

Persisi pilih 21 untuk hadapi Sukan SEA



PENCAK SILAT

Oleh
YUSOFF RAHMAN

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah memilih seramai 21 pesilat untuk mengikuti latihan sebagai persiapan untuk menghadapi temasya Sukan SEA Jakarta pada September ini.

Silat adalah antara acara baru yang diperkenalkan buat pertama kali dalam sukan ini.

Selain daripada Singapura dan Indonesia, turut mengambil bahagian dalam acara ini nanti ialah Malaysia, Brunei dan Thailand.

"Kami telah memilih 21 pesilat termasuk empat wanita untuk mengikuti latihan Sukan SEA," kata Setiausahaanya, Johari H.M. Uriff.

Menurutnya, latihan ini dikendalikan oleh Hosni Ahmad dan dibantu oleh Basri Alang yang sebelum ini juga terkenal sebagai ahli bina badan.

Pemilihan para pesilat ini dibuat berdasarkan keupayaan setiap pesilat yang lulus dalam ujian fizikal dan teknik persilatan.

Buat masa ini, latihan diadakan sekali minggu pada tiap Ahad.

Bagaimanapun, latihan akan ditingkatkan menjadi tiga kali seminggu selepas pemilihan rasmi dibuat sebelum Puasa.



"Kami hanya memerlukan 15 pesilat termasuk lima wanita untuk mewakili Singapura nanti," kata Johari.

Setiap negara, jelas Setiausaha Persisi, harus mengemukakan 10 pesilat lelaki dan lima wanita untuk acara tersebut.

Beliau tidak lupa menyebut sebanyak 15 pingat emas akan dipertandingkan.

Menjawab satu pertanyaan lain tentang peluang Singapura dalam sukan ini nanti, Johari berkata bahawa berdasarkan kepada pretasi lalu, Republik berpeluang untuk membawa pulang sekurang-kurangnya lima emas.

"Kami mempunyai kelebihan dalam Kelas A, B, C, D dan E," jelas Johari sambil menambah: "Dalam usaha untuk memastikan kejayaan Singapura itu nanti, kami merancang untuk menghantar para pesilat menyertai kejohanan-kejohanan di Malaysia."

Ini, jelasnya, adalah

- 9 FEB 1987
6 Dalam usaha
untuk
memastikan
kejayaan Singapura
itu nanti, kami
merancang untuk
menghantar para
pesilat menyertai
kejohanan-
kejohanan di
Malaysia.

— JOHARI H.M
URIFF

Setiausaha Persisi

sebagai persiapan lanjut sebelum menghadapi cabaran Sukan SEA nanti.

Beliau juga mengumumkan bahawa enam pegawai telah dipilih untuk menjadi wasit/juri dalam sukan itu nanti.

Mereka ialah Shukor Rais, Iskandar Muda Jalil Rais, Shokoy Ahmad Asraf, Johari Mukti, Mohamed Nah Jaeh dan Ali Mohamed.

Berikut ialah senarai pesilat yang mengikuti latihan — Mohamed Anuar Aziz, Mohamed Reduan Ahmad, Azlan A. Rahim, Azam Amat, A. Talib Amat, Zakaria Daud, Mohamed Mahzar Samsudin, A. Latiff Rahman, Zulkifli Abu Jallil, Mohamed Yusoff Ahmad Ashraf, Halid Awad, Sheikh Alaudin Yakob, Abdul Fatah Hosni, Azrim A. Rahim dan Jamal Jantan.

Wanita — Samsiah Hosni, Badariah Hosni, Sutinah Kasman, Azrah Ahmad Asraf.